

04 AUG 2001

Mahathir-Kelisa

DR MAHATHIR LANCAR KELISA

RAWANG, 4 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melancarkan kereta ke-500,000 yang dikeluarkan oleh Perodua di kilang pengeluar kereta nasional kedua itu di Sungai Choh di sini.

Kereta yang ke-500,000 itu merupakan kereta pertama daripada model terbaru Perodua iaitu "Kelisa".

Pada majlis itu Perdana Menteri telah melakukan pemeriksaan akhir termasuk menandatangani cap mohor pelancaran Kelisa. Pelancaran rasmi model Kelisa akan dilakukan 24 Ogos ini.

Dr Mahathir juga memeriksa keadaan ruang dalam model Kelisa termasuk menghidupkan enjin dan serentak dengan itu, menunjukkan isyarat "bagus" kepada semua pekerja sebagai tanda puas hati beliau terhadap model itu.

Sejak memulakan operasinya tujuh tahun lepas, Perodua telah mengeluarkan empat model lain iaitu Kancil, Rusa, Kembara dan Kenari.

Perdana Menteri turut merasmikan talian pemesinan kepala silinder nombor dua Perodua Engine Manufacturing Sdn Bhd.

Talian pemesinan yang baru itu mampu mengeluarkan tambahan 70,000 unit kepala silinder berbanding dengan kemampuan yang sedia ada sebanyak 60,000 unit.

Kedua-dua talian pemesinan ini dijangka meningkatkan kapasiti pengeluaran kepada 130,000 unit kepala silinder setahun.

Talian yang baru itu akan mengeluarkan kepala silinder untuk model-model kereta Perodua berenjin 660 cc, 850 cc dan 1,000 cc. Ia juga berfungsi sebagai sokongan kepada talian pemesinan yang sedia ada.

Talian pemesinan yang sedia ada bersifat separa automatik yang memerlukan empat orang pekerja untuk memasukkan peralatan mesin, menukar peralatan dan memeriksa jentera manakala talian baru beroperasi secara automatik sepenuhnya dan hanya memerlukan tiga orang pekerja.

-- BERNAMA

MK AA KHY MOZ